

**Umno Terbukti Jaga Kepentingan Rakyat - Mohd Ali
Bernama
10 Mei, 2012**

MELAKA, 10 Mei (Bernama) -- Umno terbukti dapat menjaga kepentingan orang Melayu dan bangsa lain di negara ini sejak ditubuhkan 66 tahun lepas, kata Pengerusi Badan Perhubungan Umno Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata rakyat terutama golongan muda tidak seharusnya mensia-siakan perjuangan parti itu kerana terpengaruh dengan janji dan pembohongan yang dilakukan pembangkang.

"Jangan sekali-kali mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan, setiap janji manis dan pembohongan yang ditabur oleh pakatan pembangkang tidak semestinya mereka tunaikan," katanya dalam kenyataan sempena sambutan ulang tahun ke-66 Umno, esok.

Sehubungan itu, Mohd Ali yang juga Ketua Menteri Melaka meminta anggota Umno mempertingkatkan komitmen dan iltizam untuk terus setia dan berbakti kepada parti bagi memastikan kemenangan besar Barisan Nasional pada pilihan raya umum ke-13.

Katanya anggota Umno tidak boleh mengharapkan orang lain menjaga parti itu melainkan diri mereka sendiri.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665064>